



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK MENJADI PERANTARA KERAJAAN DAN KOMUNITI DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**KUALA LUMPUR, 22 April 2016** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Penyampaian Surat Pelantikan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Kuala Lumpur bagi tahun 2016/2017 di Stadium Titiwangsa petang ini. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

2. Seramai 902 orang mewakili ahli MPPWP terdiri dari 57 peringkat subzon di Wilayah Persekutuan Putrajaya menerima surat pelantikan untuk tempoh dua tahun. Pelantikan Ahli MPPWP turut mengambil kira pandangan dan pendapat masyarakat setempat dengan mengetengahkan ahli-ahli yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pengalaman luas dalam kemasyarakatan dan berupaya untuk menggalas tanggungjawab dalam melahirkan masyarakat setempat yang madani dan harmoni. MPPWP telah dilaksanakan sejak tahun 2014 dan diterima baik oleh penduduk di Kuala Lumpur dalam membentuk kerjasama menyelesaikan masalah atau menyampaikan hasrat Kerajaan terus kepada rakyat.

3. MPPWP ini ditubuhkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh kelompok masyarakat setempat yang diberi kepercayaan untuk memimpin dan mentadbir keseluruhan komuniti sedia ada. MPPWP ini mempunyai struktur pentadbiran yang

sistematik dan terancang yang membolehkan semua aktiviti modal insan dan kemasyarakatan dapat dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi. Selain itu melalui MPPWP ini isu-isu perbandaran dapat ditangani dengan segera dan menggalakkan penyertaan awam serta penduduk setempat dalam pembangunan dan pengurusan Wilayah Persekutuan. MPPWP berfungsi sebagai penghubung di antara Kerajaan dan rakyat dalam melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan dan modal insan supaya semangat bersatu-padu dan saling bekerjasama dapat diterapkan dalam kehidupan harian.

4. Pelantikan ahli-ahli MPPWP ini adalah atas dasar sukarela untuk berkhidmat kepada masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha akan diberikan sedikit imbuhan yang berupa elaun tetap dan elaun mesyuarat. Organisasi yang dibina atas dasar sukarela adalah lebih mampan dan telus dalam memberikan perkhidmatan kepada komuniti itu sendiri. Ahli-ahli MPPWP diseru supaya lebih bersikap positif, terbuka dan neutral dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat yang diwakili dan hendaklah menjadi “mata dan telinga” kepada Kerajaan kerana ahli-ahli MPPWP adalah wakil yang paling dekat dengan rakyat dan dipilih berdasarkan komposisi kaum serta merupakan *opinion leaders* yang dihormati dalam kalangan komuniti.
5. Diharapkan pelaksanaan MPPWP ini mampu untuk memberikan impak yang besar dalam memenuhi kepentingan orang ramai dan perkhidmatan yang baik supaya warga Putrajaya dapat hidup dengan ceria dan gembira. Malah dengan pelaksanaan seumpama ini usaha penyaluran maklumat mengenai dasar/program kerajaan dapat dilakukan secara meluas dengan idea yang lebih menarik serta berkesan. Selain itu, dengan kewujudan MPPWP yang dilaksanakan secara sukarela dapat menambahkan semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat, KWP  
Kuala Lumpur  
22 April 2016